




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **45 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,400 kes**. Tiada kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 24 menjadikan jumlah kumulatif 53,534 orang. Seramai 410 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 154 orang di hospital dan 256 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 18 orang dan empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat berubah dari zon jingga ke zon kuning.
Manakala Kota Belud bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning 16 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Tiada **kluster baharu** direkodkan pada hari ini.

6 Daripada 45 kes positif COVID-19., sebanyak 21 kes (46.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 10 kes (22.2%) saringan bergejala, sembilan (9) kes (20%) dari kluster sedia ada serta lima (5) kes (11.1%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 4,253 unit
- Hospital 535 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 9.64%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **satu (1)** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,958** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **155** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **1235** orang.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **289,238** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,117 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, lapan (8) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 76 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 96 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 448 lokasi melibatkan seramai 209 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 84 anggota RELA di 95 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Keningau, Sandakan dan Semporna.
- 6 Sejumlah 48 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.8%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sandakan	97.5%
2	Kota Kinabalu	97%
3	Semporna	97%
4	Kunak	97%
5	Sipitang	97%
6	Beluran	97%
7	Kinabatangan	97%
8	Beaufort	97%
9	Penampang	97%
10	Ranau	97%
11	Kudat	97%
12	Papar	97%
13	Kota Marudu	97%
14	Tuaran	97%
15	Lahad Datu	97%
16	Tawau	97%
17	Kota Belud	96%
18	Tenom	96%
19	Keningau	95%

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

24 Mac 2021